

18 JUN 1997

Mohamed-Publisiti

KABINET ARAH SEMUA AGENSI KERAJAAN JAYAKAN SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Jemaah Menteri hari ini mengarahkan semua agensi kerajaan supaya memberi kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan Sukan Komanwel ke-16 di negara ini tahun depan.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat berkata Kabinet berpendapat penglibatan semua agensi kerajaan amat penting bagi menjamin matlamat Malaysia menjadi tuan rumah yang cemerlang sukan itu tercapai.

"Sukan Komanwel ini adalah projek negara. Jemaah Menteri mahu semua pihak memberikan kerjasama sepenuhnya supaya matlamat kita tercapai," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Penerangan di Angkasapuri, di sini.

Mohamed, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Publisiti dan Komunikasi Sukan Komanwel, berkata beliau telah memaklumkan kepada Jemaah Menteri mengenai kerjasama yang kurang menggalakkan daripada media-media cetak dan elektronik milik swasta tempatan kepada usaha mempromosi sukan itu.

Katanya, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zawawi Mahmuddin akan mengadakan pertemuan dengan wakil media-media itu minggu depan bagi memaklumkan kepada mereka bentuk kerjasama yang kerajaan perlukan.

Mohamed berkata, setakat ini Kementerian Penerangan sudahpun menggerakkan secara berperingkat-peringkat pelan tindakan promosi sukan itu melalui stesen-stesen RTM dan promosi bergerak oleh Jabatan Penerangan.

Katanya, pelan tindakan itu telah dipersetujui Jawatankuasa Induk Sukan Komanwel yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mulai akhir bulan ini kita akan mempergiatkan lagi promosi-promosi yang telah dirancang bagi memastikan rakyat peka kepada penganjuran sukan itu dan sama-sama terlibat bagi memastikan kejayaan kita sebagai penganjur," katanya.

Mohamed berkata, Pusat Penyiaran Antarabangsa bernilai RM160 juta yang dibina di Angkasapuri untuk kegunaan stesen-stesen penyiaran yang membuat liputan sukan itu dijangka siap sepenuhnya pertengahan Januari tahun depan.

Katanya, Bernama pula akan diberi peruntukan antara RM15 juta dan RM20 juta bagi mewujudkan Pusat Utama Akhbar untuk kegunaan wakil media cetak sepanjang sukan itu dan selaku hos agensi sukan itu. -- BERNAMA.

AH AHH